

09/03/2004

Ketua Pengarah Kastam disebut bakal calon

LANGKAWI: Semakin ramai pegawai kanan kerajaan mula dikaitkan sebagai calon pada pilihan raya umum kali ini, terbaru Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia, Tan Sri Abdul Halil Mutalib yang disebut-sebut sebagai calon bagi mengisi sama ada kerusi Parlimen Langkawi atau satu daripada dua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, juga dikatakan mahu kembali mempertahankan kerusi DUN Kuah yang dimenangnya pada 1999.

Abdul Halil tidak asing bagi penduduk Langkawi kerana pernah berkhidmat sebagai pengurus besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) selama 10 tahun, manakala Sanusi turut berperanan penting dalam pembangunan Langkawi.

Selain Datuk Abu Bakar Taib yang menyandang kerusi Parlimen Langkawi dan Datuk Md Hassan Bulat (DUN Padang Matsirat, kini Ayer Hangat), Ketua Pemuda Umno yang juga Naib Ketua Umno Bahagian, Nawawi Ahmad juga menjadi sebutan.

Kemunculan Sanusi yang lebih kerap pada beberapa majlis di Langkawi juga mengukuhkan spekulasi yang beliau sekali lagi akan dipilih sama ada mempertahankan kerusinya di peringkat DUN atau beralih ke Parlimen.

Tahun lalu, Abdul Halil ketika berucap pada satu majlis berbuka puasa di Kuarters Kastam Kuah, memberitahu beliau tidak berminat untuk menyertai politik.

Walau siapa saja dicalonkan, bagi penduduk Langkawi mereka pastinya sudah lama menetapkan pendirian untuk memilih Barisan Nasional (BN) berdasarkan komitmen kerajaan dalam memajukan pulau ini sebagai destinasi pelancongan terunggul negara.

Abu Bakar yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian berkata, daripada sebuah perkampungan nelayan yang ketandusan pembangunan, Langkawi kini memiliki segala kemudahan serba lengkap.

Malah, katanya, pembangunan pesat di Langkawi yang sehingga kini menjadi pusat persidangan dan sukan bertaraf antarabangsa mungkin dicemburui penduduk kawasan lain yang sudah lama maju.

Bersikap 'tidak apa' jika tidak dipilih mempertahankan kerusi Parlimen Langkawi pada pilihan raya kelak, Abu Bakar amat berharap agar pengundi terus memberi mandat kepada BN untuk terus memerintah.

"Walau siapa pun kelak yang dipilih sebagai calon BN, pengundi perlu memastikan kesinambungan pembangunan di Langkawi dengan memilih parti yang terbukti banyak berjasa kepada penduduk pulau ini.

"Ingatlah jasa bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang menjadi arkitek utama dalam mencorakkan pembangunan Langkawi," katanya dalam satu pertemuan di sini.

Abu Bakar berkata, pembangkang kini tidak mempunyai isu tempatan untuk mempengaruhi pengundi kerana isu tanah yang kerap dimainkan mereka tidak lagi relevan.

Sehingga kini, katanya, banyak permohonan tanah yang tertangguh sudah diselesaikan terutama bagi kawasan Pulau Tuba, Pasir Panjang, Tanjung Peluru, Teluk Berembang dan Teluk Apau.

Md Hassan ketika ditemui pula berkata, beliau sedia berkhidmat jika terus diberi kepercayaan dan sedia menerima apa juga keputusan pemimpin Pusat mengenainya.

"Ada dua saja, sama ada terpilih atau tidak terpilih (pada penamaan calon). Kedua-duanya akan menggembirakan saya," katanya.

